



KIMA daripada spesies *Tridacna Squamosa* antara yang masih terdapat di lautan negara ini.

# Kajian pembiakan kerang gergasi, pulihara populasi

Oleh INTAN SUHANA  
CHE OMAR  
intan.suhana@mediamulia.com.my

**K**IMA merupakan haiwan dilindungi sepenuhnya oleh Akta Perikanan 1985 dan Peraturan Perikanan 1999 (Kawalan Spesis Ikan Terancam). Malangnya menurut Ketua Penyelidik Penyelidikan Genetik Populasi Dan Genetik Hubungkait Kerang Gergasi Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Norainy Mohd. Husin, hasil daripada kajian genetik dilakukan mendapati di perairan utara Terengganu

termasuklah Pulau Bidong, hanya dua spesis kima yang wujud pada hari ini iaitu *Tridacna squamosa* dan *T. maxima*.  
Manakala taburan *T. crocea* adalah lebih ke selatan Semenanjung Malaysia. Penyelidikan genetik populasi dan genetik hubungkait kerang gergasi atau juga dikenali sebagai kima yang dilakukan itu, melibatkan persampelan kima di pulau-pulau di semenanjung Malaysia termasuk pulau-pulau di bawah Taman Laut. "Semasa persampelan di lapangan, penyelaman dilakukan bagi mengenalpasti taburan kima dan pengecaman

“Hasil daripada kajian genetik ini, kami dapat mengenalpasti spesis kima dengan tepat dan kami dapati di perairan utara Terengganu termasuklah Pulau Bidong...”


spesis kima yang dijumpai. "Selepas pengecaman secara fizikal, gambar kima dan sedikit tisu diambil bagi kajian DNA di makmal," katanya kepada *Utusan Malaysia*.  
Norainy yang merupakan Penyelidik Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan (AKUATROP), UMT menjelaskan penyelidikan genetik populasi dan genetik hubungkait kerang gergasi ini giat dijalankan UMT sejak 2016 lagi.

**PENGECAMAN SPESIS**  
Jelas Norainy, kajian genetik melibatkan pengenalpastian spesis kima melalui teknik DNA.

Ia seterusnya mengenalpasti hubungkait populasi kima di beberapa pulau kajian. "Daripada kajian ini kita dapat tentukan taburan spesis kima dengan tepat berbanding pengecaman secara morfologi luaran. "Ia juga dapat menentukan sama ada populasi itu sepatutnya diuruskan sebagai satu unit pengurusan atau diuruskan secara berasingan," ujarnya.  
Selain itu, pembiakan aruhan pula dilakukan pada kima yang bersaiz matang dengan memberi rangsangan kepada kima tersebut.  
Walaupun kima mempunyai organ pembiakan jantan dan betina pada satu individu namun bagi memastikan kejayaan pembiakan aruhan, dua atau lebih kima diperlukan pada satu-satu masa.  
Ini penting bagi mengelakkan berlakunya pembiakan sendiri dan kematian atau kecacatan pada

larva yang terhasil. Kelebihan pembiakan aruhan ialah ia dapat membiakkan kima di persekitaran yang terkawal bagi memastikan anak-anak kima dapat membesar. Selain itu, penyelidik juga dapat mengawasi dan merekod perkembangan larva kima. Tambahnya, kesinambungan daripada kajian genetik berkenaan, beberapa perkara penting telah dikenalpasti yang memerlukan kajian lebih mendalam termasuk kajian pembiakan spesies berkenaan. Ia juga susulan keperluan dan kepentingan memelihara sumber asli yang ada di negara ini selain mengurangkan ancaman yang semakin meningkat terhadap kehidupan marin, terutamanya kima.

"Kami menjalankan kajian kima di Stesen Penyelidikan Alami Marin Pulau Bidong. Kajian awal ini bertujuan melihat taburan spesis kima pada kedalaman berbeza di sekitar Pulau Bidong. "Kami merancang untuk menggiatkan aktiviti penyelidikan kima termasuk pembiakan aruhan kima dengan kerjasama agensi kerajaan dan penyelidik daripada universiti lain," tambahnya.  
Sementara itu, Norainy berkata, pembiakan spesies itu bukanlah sesuatu yang baharu di negara ini mahupun peringkat global memandangkan sudah banyak negara berjaya memulihara kima di perairan mereka melalui pembiakan aruhan. "Kejayaan pembiakan kima ini bukan sahaja berjaya memulih populasi kima malahan anak-anak kima tersebut dapat dijual bagi industri akuarium. "Namun di negara kita tidak banyak kajian dan tumpuan diberikan kepada kima berbanding dengan haiwan terancam yang lain," ulasnya lanjut.



KIMA atau dikenali juga sebagai kerang gergasi merupakan antara hidupan marin yang kian terancam.



SALAH seorang penyelidik terlibat, Yusri Yusuf sedang membuat persampelan kima.